

**SULIT**



**UTHM**  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER II  
SESI 2015/2016**

NAMA KURSUS	:	PENGURUSAN KEWANGAN
KOD KURSUS	:	BBP 37303
KOD PROGRAM	:	BBC
TARIKH PEPERIKSAAN	:	JUN/JULAI 2016
MASA	:	3 JAM
ARAHAN	:	JAWAB EMPAT SOALAN SAHAJA

**KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI LIMA (5) MUKA SURAT**

**SULIT**

# SULIT

BBP 37303

- S1** Semasa Latihan Mengajar anda, Ketua Panel Bidang meminta anda mengambil alih kelas 4A yang baru belajar Simpangkira. Berikut merupakan petikan dari kurikulum subjek,

2.0 Kefahaman dan Amalan Sistem Catatan Bergu Untuk Perniagaan Tunggal.

- 2.1 Kefahaman Sistem Catatan Bergu
- 2.2 Proses Catatan Bergu Urusniaga.
- 2.3 Latihan Tubi Sistem Catatan Bergu.

Anda diminta mengcadangkan satu perancangan pengajaran harian yang mempunyai elemen berikut:

- Analisis pelajar
- Hasil Pembelajaran
- Set Induksi
- Cadangan sekurang-kurangnya tiga aktiviti pembelajaran yang interaktif dan proses pelaksanaannya
- Cadangan format penilaian

(25 markah)

- S2** Tom Yam memulakan perniagaan dengan tunai di tangan RM650 dan tunai di bank RM1500 pada 1 Januari 2015 dan berikut merupakan urusniaga-urusniaga yang berlaku di dalam bulan Januari 2015

2015 Jan	Urusniaga	RM
2	Beli barang secara kredit dari Fook Loong	2,000
7	Jual barang dan terima cek	1,100
8	Jualan kredit kepada Deans & Sons	850
9	Beli perabot pejabat dari Syarikat Perabot Bot secara kredit	350
10	Jual lori lama secara kredit kepada Encik Hassan	7,000
11	Bayar belanja pengangkutan secara tunai	120
12	Beli rak dengan cek untuk kegunaan pejabat	300
18	Mengirim cek RM1,000 kepada Fook Loong setelah tolak diskaun tunai 10%	
21	Terima cek sebanyak RM400 daripada Deans & Sons setelah tolak diskaun tunai 10%	
28	Bayar sewa dengan cek	500
30	Bayar upah dengan tunai	200

Anda diminta:

- (a) Rekodkan semua urusniaga dalam buku lejar yang sesuai.
- (b) Imbangkan dan hantar bawah baki Buku Tunai sahaja.

**SULIT**

BBP 37303

(25 markah)

- S3** En Azizi, pemilik Pasar Mini Pujut menjalankan di Miri Sarawak. Berikut ialah senarai baki-baki akaunnya pada 31 Mac 2006.

Urusniaga	Debit	Kredit
Modal 1 April 2005		44250
Stok pada 1 April 2005	7796	
Jualan		41,865
Belian	30,855	
Peruntukan Hutang Ragu		370
Pulangan Jualan	215	
Diskaun		495
Kenderaan (Kos)	30,000	
Angkutan Masuk	404	
Lengkapan	4,500	
Gaji	10,200	
Kadar Bayaran	850	
Peruntukan susutnilai kenderaan		3000
Insurans	540	
Iklan	275	
Bank	3310	
Penghutang	5200	
Pembiutang		4165
	94145	94145

Maklumat Tambahan: Stok pada 31 Mac 2006 bernilai RM7360 pada harga kos dan RM7630 pada harga pasaran.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perniagaan, Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2006
- (b) Kunci Kira-kira pada 31 Mac 2006.

(25 markah)

- S4** Berikut merupakan konsep asas amalan simpankira sesebuah perniagaan yang diamalkan di semua jenis perniagaan.

- Kos Sejarah (*Historical Cost Concept*)
- Entiti Berasingan (*Entity Concept*)
- Sistem Catatan Bergu (*Double Entry System*)
- Tempoh Perakaunan (*Accounting Period Concept*)
- Pemadanan (*Matching Concept*)

Anda diminta memberi huraian kesemua konsep di atas dengan memberi satu contoh untuk menyokong huraian anda.

(25 markah)

**SULIT**

BBP 37303

- S5** Syarikat XYZ mempraktikkan catatan Buku Tunai Runcit dengan baki asas setiap bulan sebanyak RM150 untuk membayar belanja-belanja runcit syarikat. Butir pembayaran runcit berikut telah direkodkan untuk bulan Mac 2016,

2016 Mac	Urusniaga	RM
1	Baki tunai runcit	56
	Terima tunai daripada ketua juruwang untuk lengkapkan jumlah yang diperlukan	
4	Membayar Yoke Ting untuk belanja berikut: Menghantar telegram	2
	Kertas “foolscap”	10
7	Membeli barang-barang	25
10	Membayar Sharon bagi belanja berikut: Tambang bas	3
	Buku latihan	2
12	Membayar upah membersih pejabat	15
16	Menderma kepada kebajikan orang buta	10
20	Membayar Fariz untuk belanja berikut: Belanja membaiki mesin taip	17
	Belanja mengecat meja dan kerusi	30
26	Membayar Sheila untuk belanja berikut: Serkuk kopi dan susu	12
	Biskut	9
	Minuman ringan	5
31	Imbangan Buku Tunai Runcit dan menerima wang panjar dari ketua juruwang	

Anda diminta:

- (1) Rekodkan butir urusniaga di atas ke dalam Buku Tunai Runcit.  
(2) Imbangkan Buku Tunai Runcit pada akhir bulan.

(25 markah)

**SULIT**

BBP 37303

- S6** Baki-baki berikut disenaraikan dari buku-buku Kedai Wawasan, seorang peniaga tunggal 30 April 2015.

	RM
Modal Awal	19,615
Lekapan dan Lengkapan	7,500
Diskaun Diterima	2,560
Gaji dibayar	1,600
Jualan	35,600
Pulangan Keluar	540
Penghutang	5,250
Angkutan Masuk	500
Angkutan Keluar	350
Kenderaan	10,000
Ambilan	300
Pemiutang	6,500
Sewa dibayar	750
Hutang Lapuk	670
Faedah Diterima	450
Belian	24,900
Stok pada 1 Januari 2010	7,650
Kadar Bayaran	750
Pulangan Masuk	345
Tunai di bank	4,700

Maklumat tambahan:

- (1) Stok akhir pada 30 April 2015 dinilai pada RM9,670.

Anda dikehendaki:

- (a) Menyediakan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi untuk tahun berakhir 30 April 2015  
(b) Menyediakan Kunci Kira-kira pada 30 April 2015

(25 markah)

**SOALAN TAMAT**